



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAN

Tiada Moratorium dikenakan kepada Perjawatan Jururawat. JPA Lulus Permohonan KKM

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) ingin menjelaskan **TIADA MORATORIUM** dikenakan kepada perjawatan jururawat memandangkan sektor kesihatan merupakan salah satu sektor kritikal, selain pendidikan dan keselamatan.

Permohonan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk menambah bilangan jururawat secara berperingkat iaitu seramai 3,343 telah diluluskan JPA melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pembangunan Organisasi (JKKPO) pada Tahun 2018 dan 2019.

Daripada jumlah yang telah diluluskan ini, seramai 1,200 orang jururawat akan dilantik sepanjang tahun 2019 dan baki 2,143 orang graduan Institut Latihan Kesihatan KKM (ILKKM) keluaran 2018 akan dilantik pada tahun 2020.

Pelantikan secara kontrak ini adalah untuk tempoh empat (4) tahun (2 + 2) dan calon dari bakat terbaik akan diserap ke jawatan tetap tertakluk kepada kekosongan jawatan sedia ada.

Sebarang permohonan penambahan perjawatan yang dikemukakan KKM di masa akan datang adalah tertakluk kepada dasar semasa sumber manusia yang sedang berkuat kuasa dan kedudukan kewangan KKM.

#####

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh : 14 Mei 2019
Tel : 03 - 8885 3088 / 3146 (Unit Media)
Emel : komunikasi@jpa.gov.my
No. Ruj. : JPA.100-9/1/2 (43)